

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA****KENYATAAN TAWARAN****TENDER PERKHIDMATAN MEMBEKAL MAKANAN BERMASAK KE ASRAMA SEKOLAH-SEKOLAH**

- 1 Tawaran ini adalah dipelawa kepada **pembekal-pembekal Bumiputera** yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah Kod Bidang Bekalan/ Perkhidmatan di bawah Bidang, **Sub-Bidang dan Pecahan Sub-Bidang 040103 (Makanan Bermasak Islam)** yang masih sah dan berkuatkuasa.
- 2 Tempoh kontrak ini adalah selama **13 bulan** dan pelanjutan maksimum 6 bulan tertakluk kepada prestasi dan sokongan pentadbir kontrak sekolah.
- 3 Tender ini adalah bagi sekolah / institusi seperti Jadual di bawah:

BIL	KOD TENDER	NAMA SEKOLAH	TEMPOH KONTRAK	LOKASI	DAERAH	BIL. PELAJAR	TARIKH, MASA DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH PEMBELIAN DOKUMEN DAN TARIKH TUTUP LAWATAN TAPAK	TARIKH TUTUP TENDER DAN TEMPAT HANTAR DOKUMEN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SARAWAK									
1	KPM/13/2018/01/0613	SMK SINGGAI	01 Jun 2018 hingga 30 Jun 2019	BAU	BAU	350	Tarikh : 29 Mac 2018 (Khamis) Masa Pendaftaran : 08.00 pagi - 09.30 pagi Taklimat Bermula : 9.45 pagi Tempat : Auditorium Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik Off Jalan Bako	Tarikh : Mulai 29 Mac 2018 (Khamis) hingga 09 April 2018 (Isnin) Masa : Isnin - Khamis 08:30 pagi hingga 12:00 tengah hari 2:30 petang hingga 4:00 petang Jumaat 08:30 pagi hingga 11:30 tengah hari 2:30 petang hingga 4:00 petang Tempat : Tingkat 3, Unit Perolehan dan Pengurusan Aset, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik Off Jalan Bako	Tarikh : 30 April 2018 (Isnin) Masa : 12.00 Tengah hari Tempat : Tingkat 3, Unit Perolehan dan Pengurusan Aset, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Jalan Diplomatik Off Jalan Bako
2	KPM/13/2018/01/0614	SMK LINGGA		SRI AMAN	SRI AMAN	220			

- 4 Petender-petender yang ingin menyertai tender ini hendaklah menyerahkan **Bank Draft/ Bankers Cheque bernilai RM300.00** atas nama **Ketua Akauntan, Kementerian Pendidikan Malaysia**, bagi pembelian setiap tender yang dipohon. Wang tunai dan cek-cek persendirian tidak akan diterima. Bayaran dokumen ini tidak akan dikembalikan.
- 5 Semasa Taklimat Tender dan pembelian Dokumen Tender, petender-petender hendaklah mengemukakan **SIJIL ASAL** (untuk pengesahan) dan **SALINAN FOTOSTAT** (tidak dikembalikan) bagi dokumen-dokumen berikut:
- a. **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat** dari Kementerian Kewangan / **Sijil Virtual** yang lengkap menyatakan Kod Bidang berkaitan dan masih berkuatkuasa;
b. **Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera** dari Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa; dan
c. **Salinan Perakuan Pendaftaran Borang D (Perakuan Pendaftaran)** atau **Borang E (Perakuan Pembaharuan Pendaftaran)**, **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** bagi Syarikat Enterprise; lengkap bersama senarai nama pemilik
- 6 Setiap petender yang hendak memasuki tender **DIWAJIBKAN HADIR KE TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK**. Selaras dengan arahan Kerajaan, **1Pekeliling Perbendaharaan: PK 2.1, Petender yang menghadiri taklimat dan lawatan tapak MESTILAH terdiri daripada Pemilik / Ahli Lembaga Pengarah SAHAJA dan TIDAK BOLEH MEWAKILKAN** pegawai selain daripada penama dalam Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor atau Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat, Kementerian Kewangan Malaysia. Sila bawa bersama Salinan Borang 49, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang DIAKUI SAH oleh pihak pengeluar asal dokumen berkenaan atau pegawai Kerajaan dari Kumpulan A (Pengurusan dan Profesional) bagi Lembaga Pengarah semasa menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak. Syarikat yang telah menghadiri taklimat tender sahaja dibenarkan membeli satu Dokumen Tender bagi satu tawaran.
- 7 Tawaran tender tidak akan dipertimbangkan sekiranya:
- a. Petender **LEWAT** mengemukakan tawaran tender; atau
b. Petender **GAGAL** mengemukakan dokumen wajib seperti yang dinyatakan dalam Dokumen dan Borang Tender; atau
c. Petender **GAGAL** menghadiri taklimat tender; atau
d. Petender **GAGAL** menghadiri lawatan tapak.
- 8 Antara **KRITERIA UTAMA** yang akan diberi pertimbangan adalah petender-petender seperti berikut:
- a. Petender mempunyai keupayaan pembiayaan kewangan dan boleh menampung kos operasi bersamaan dua (2) bulan tuntutan bulanan kontrak; dan
b. keutamaan diberi kepada petender berpengalaman dalam penyediaan makanan di asrama dan berdaftar dalam daerah berkenaan atau daerah bersebelahan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran terendah atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
- 9 Iklan tender ini juga boleh dirujuk di laman web Jabatan Pendidikan Negeri berkenaan, laman web Kementerian Pendidikan Malaysia <http://www.jpnsarawak.moe.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT. Ralat terhadap maklumat iklan ini juga akan dimaklumkan menerusi laman web yang dinyatakan, sekiranya ada. Petender dinasihatkan untuk sentiasa melayari laman web yang dinyatakan bagi mendapatkan maklumat mengenai arahan-arahan terkini atau pindaan yang dikeluarkan dari masa ke semasa.
- 10 Keputusan tender ini adalah **MUKTAMAD** dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.